

Nama: _____

Kelas : _____

Isikan tempat kosong dengan perkataan yang betul.

akrab / agar / anak emas / bersopan santun / cahaya mata

sombong / sebaya / lapang / tekun / membantu

Jiran Baharu Saya

Encik Zainal ialah jiran baharu saya. Beliau sekeluarga tinggal di sebelah rumah saya. Mereka baru sahaja berpindah ke sini 1 _____ (pada / sejak) dua bulan yang lepas. Encik Zainal sekeluarga berasal 2 _____ (dari / daripada) Alor Setar, Kedah.

Encik Zainal seorang peniaga yang 3 _____ (tamak / jujur). Beliau membuka kedai runcit di taman perumahan kami. Isterinya, Puan Habsah ialah suri rumah tangga sepenuh masa yang 4 _____ (= rajin). Beliau menguruskan kerja rumah dan menyediakan hidangan 5 _____ (untuk / demi) keluarganya setiap hari.

Encik Zainal dan Puan Rosnani mempunyai seorang 6 _____ (= anak), Arif. Arif ialah 7 _____ (= anak kesayangan) mereka. Arif 8 _____ (= seusia) dengan saya. Kami belajar di sekolah yang sama. Setiap hari, kami pergi ke sekolah 9 _____ (untuk / dengan) menaiki bas sekolah.

Arif ialah seorang murid yang cemerlang. Namun, dia tidak bersikap 10 _____ (= angkuh). Apabila saya menghadapi masalah dalam peperiksaan, dia akan 11 _____ (= menolong) saya. Sikap Arif yang 12 _____ (= berbudi bahasa) menyebabkan kawan-kawan suka mendampinginya.

Pada masa 13 _____ (= senggang), kami sering berbasikal di halaman rumah. Kadang kala, kami bermain bola sepak di padang. Walaupun saya dan Arif baru berkenalan, hubungan kami 14 _____ (= erat) seperti isi dengan kuku.

Encik Zainal dan keluarganya sangat peramah. Mereka sering bertegur sapa dengan jiran tetangga. Oleh itu, 15 _____ (sesetengah / para / semua) jiran suka bergaul dengan mereka.

Saya berasa gembira kerana boleh tinggal berjiran dengan Encik Zainal sekeluarga. Saya berharap 16 _____ (= supaya) mereka sentiasa sihat dan dicucuri rahmat.